

# NKF anjur Sambutan Hari Buah Pinggang

**KUALA LUMPUR** – Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) bakal menganjurkan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2019 yang akan berlangsung di Pusat Sumber NKF-BERJAYA, Petaling Jaya, Selangor pada 14 Mac depan.

Ketua Pemasaran, Komunikasi dan Dana NKF, K. Shobana berkata, sambutan tersebut akan merangkumi tiga acara utama iaitu tarian kecergasan Bollywood oleh pakar tarian Bollywood, Kirenjit Singh bertujuan mengajak orang ramai beriadah secara sihat dan menyeronokkan.

Selain itu, saringan indeks jisim badan (BMI), tekanan darah, kandungan gula dalam darah, ujian air kencing serta perkhidmatan kaunseling kesihatan juga diberi percuma kepada pengunjung bagi acara saringan kesihatan.

“Kita juga akan mengadakan

ceramah yang akan mengupas dua topik penting tentang kesihatan buah pinggang iaitu pengenalan kepada batu karang dan ubat-ubatan.

“Justeru, saya menjemput orang ramai untuk hadir dan bersama-sama dalam usaha meningkatkan kesedaran kita tentang kesihatan buah pinggang,”

katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Shobana berkata, sehingga kini, pihaknya mempunyai lebih 1,600 pesakit yang menerima rawatan dialisis subsidi di 28 pusat dialisis di seluruh negara.

“Pada tahun ini, kita menganggarkan kekurangan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM24.9 juta bagi menyediakan rawatan dialisis subsidi dan menjalankan operasi asas secara umum,” katanya.

